

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KONTENA NASIONAL GLOBAL LOGISTICS SDN BHD
SUBANG JAYA, SELANGOR

OLEH
SITI HAJAR MD. SUKOR
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

M:2544

PERDUSTAKAAN
Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (USTEMI)

1100039945

LI 72 FPE 2 2005



1100039945


Laporan akhir Latihan Industri di Kontena Nasional Global Logistics Sdn. Bhd Subang Jaya Selangor / Siti Hajar Md. Sukor

PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

21055 KELAH TEKENGKANG
1100039945

Lihat sebelah



15
72
TPE
2
2005-

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
KONTENA NASIONAL GLOBAL LOGISTICS SDN. BHD.
(KNGL)
SUBANG JAYA, SELANGOR.**

**OLEH:
SITI HAJAR MD. SUKOR
UK7691
SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM**

**UNTUK
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
(KUSTEM)**

2005

1100039945

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Siti Hajar Binti Md. Sukor mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan:



Nama: Siti Hajar Binti Md. Sukor

Tarikh:

Disahkan Oleh:



Penyelia Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Ilahi, atas segala limpah dan kurniaannya dapatlah saya menyiapkan laporan Latihan Industri ini dengan jayanya. Laporan Latihan Industri ini adalah berkaitan dengan syarikat yang sudi mengambil saya untuk menjalani Latihan Industri (LI) iaitu Kontena Nasional Global Logistics Sdn, Bhd (KNGL).

Pertama sekali, saya amat berbangga kerana Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah memberikan kebenaran kepada saya untuk membuat LI di KNGL yang merupakan sebuah syarikat “freight forwarding” yang ternama di Malaysia. Ribuan terima kasih kepada PM Dr. Saharuddin bin Dato' Abd Hamid, Timbalan Dekan 1 (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) yang bertindak sebagai Pengerusi urusetia penyelaras aktiviti-aktiviti LI yang memberi peluang kepada saya untuk menimba ilmu pengetahuan di alam pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian.

Jutaan terima kasih sekali lagi kepada PM Dr. Saharuddin bin Dato' Abd Hamid selaku Penyelia Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang telah banyak memberikan pandangan dan pendapat yang membina untuk saya menamatkan LI sekaligus memberikan komen dan memperbaiki persembahan laporan ini.

Ribuan terima kasih juga kepada Pengurus Besar KNGL, En. Khairuddin bin Othman kerana sudi mengambil saya sebagai pelatih industri di KNGL dan

meletakkan saya dibawah penyeliaan Pengurus Unit Pemasaran - Perkhidmatan Kerajaan. Beliau amat mengambil berat tentang kesahihan maklumat yang diperolehi.

Kepada Penyelia Industri di KNGL iaitu En. Yazirruddin bin Mat Som, ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga atas segala jasa yang ditaburkan. Bimbingan dan penjagaan yang baik telah saya perolehi selama menjalani LI dan tugasan yang diberikan tentang laporan berkaitan KNGL telah membuatkan saya lebih mengenali operasi KNGL dengan jelas dan secara praktikal.

Terima kasih juga kepada semua kakitangan KNGL yang banyak membantu saya dan memberi tunjuk ajar tentang selok-belok operasi KNGL serta memberikan layanan yang baik kepada saya semasa dalam tempoh LI di sana. Segala bantuan dan kerjasama daripada semua amatlah dihargai.

Akhir sekali terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya yang sentiasa memberi semangat dan sokongan meskipun dari jauh. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan sekuliah yang banyak membantu dari segi mendapatkan maklumat tambahan dan cara-cara menyediakan laporan LI ini. Jutaan terima kasih kepada semua yang bertungkus lumus membantu saya dalam menyiapkan laporan LI ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

PRAKATA

Latihan Industri PGN 4799 yang dijalankan oleh Fakulti Pengurusan dan Ekonomi ini merupakan salah satu subjek yang wajib diambil oleh para pelajar dalam semester 5 ini. Dalam latihan Industri ini para pelajar telah dihantar untuk menjalani latihan di syarikat-syarikat yang berkaitan dengan pengurusan terutama dalam bidang pengurusan maritim seperti pelabuhan, logistik dan sebagainya.

Matlamat utama adalah mengikuti latihan ini selama 3 bulan bermula pada 21 Mac 2005 hingga 12 Jun 2005, sebagai memenuhi kehendak fakulti dan di samping itu berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung dengan alam pekerjaan. Para pelajar perlu mengetahui aktiviti utama yang dijalankan oleh syarikat dan membuat kajian terhadap syarikat itu.

Kajian ini penting kerana para pelajar perlu mengenalpasti sistem sedia ada yang digunakan dalam syarikat dan mencari punca masalahnya serta mencadangkan penyelesaian masalah yang dihadapi itu sebagai maklumat yang harus dimasukkan dalam Laporan Latihan Industri. Setiap laporan dan persembahan laporan akan disemak dan dipantau oleh Penyelia Industri yang telah ditetapkan oleh Fakulti.

Dalam Latihan Industri ini, para pelajar dapat mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan yang akan diceburi setelah tamat pengajian nanti. Para pelajar juga mendapat pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian yang diambil sekaligus memahami nilai etika profesional masing-masing dan menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan yang akan diceburi nanti.

SENARAI RAJAH

| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|------------|
| Rajah 1.0: Logo Rasmi Syarikat | 3 |
| Rajah 2.0: Aliran Sistem yang Sedia Ada | 28 |
| Rajah 3.0: Sistem Tempahan Kapal | 30 |
| Rajah 4.0: Sistem Dokumentasi (Import) | 36 |
| Rajah 5.0: Sistem Kutipan | 39 |

SENARAI JADUAL

| PERKARA | SINGKATAN |
|--|------------------|
| JADUAL 1.0: Jawatan dan Jumlah Kakitangan | 6 |
| JADUAL 2.0: Unit dalam syarikat dan fungsinya | 7 |
| JADUAL 3.0: Jadual Latihan Bagi Pelatih Industri | 23 |

SENARAI SINGKATAN

| PERKARA | SINGKATAN |
|---|------------------|
| Kontena Nasional Berhad | KNB |
| Northport Holding Berhad | NCB |
| Kontena Nasional Global Logistics Sdn. Bhd. | KNGL |
| Keretapi Tanah Melayu Berhad | KTMB |
| Sistem Maklumat Kastam | SMK |
| Multimodal Transport Operator | MTO |
| Latihan Industri | LI |

ISIKANDUNGAN

| PERKARA | MUKA SURAT |
|---------------------|------------|
| Penghargaan | ii |
| Prakata | iv |
| Senarai Rajah | vi |
| Senarai Jadual | vii |
| Senarai singkatan | viii |
| Ringkasan Eksekutif | xi |

BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI

| | |
|-------------------------------------|----|
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latarbelakang Syarikat | 1 |
| 1.2 Maklumat Syarikat | 3 |
| 1.3 Aktiviti Syarikat | 20 |
| 1.4 Kemahiran yang ingin dipelajari | 22 |

BAB 2: PENGENALPASTIAN SISTEM KERJA, MASALAH, PUNCA MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH

| | |
|---|----|
| 2.0 Pengenalan | 26 |
| 2.1 Sistem yang Sedia ada | 28 |
| 2.2 Sistem 1: Sistem Tempahan Kapal | 30 |
| 2.2.1 Pengenalpastian Masalah | 33 |
| 2.2.2 Cadangan Penyelesaian Masalah | 34 |
| 2.3 Sistem 2: Sistem Dokumentasi Untuk Import | 36 |
| 2.3.1 Pengenalpastian Masalah | 38 |
| 2.3.2 Cadangan Penyelesaian Masalah | 38 |
| 2.4 Sistem 3: Sistem Kutipan | 39 |
| 2.4.1 Pengenalpastian Masalah | 41 |
| 2.4.2 Cadangan Penyelesaian Masalah | 42 |

BAB 3: PENUTUP

| | |
|-----------------|----|
| 3.0 Pengharapan | 44 |
|-----------------|----|

| | |
|----------|----|
| RUJUKAN | 46 |
| LAMPIRAN | 47 |

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program pengajian Sarjana Muda Pengurusan Maritim dibawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Melalui LI, pelajar akan ditempatkan di agensi awam atau swasta di mana pelajar berpeluang untuk mempelajari selok-belok sesuatu bidang pekerjaan yang berkaitan melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung. Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah syarikat. Oleh itu, sebagai memenuhi kehendak fakulti, pelajar telah ditempatkan di syarikat Kontena Nasional Global Logistics Sdn. Bhd. (KNGL) selama 3 bulan (12 minggu) bermula pada 21 Mac 2005 hingga 12 Jun 2005.

Selama menjalani LI di KNGL, pelajar telah diberikan jadual latihan yang padat. Jadual ini sebagai panduan dan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang fungsi setiap unit yang ada dalam KNGL sekaligus mengetahui perjalanan operasi KNGL. Pelajar diletakkan di setiap unit mengikut urutan operasi KNGL yang bermula dengan Unit Pemasaran, Unit Projek, Unit Dokumentasi, Unit Operasi Laut, Unit Operasi Udara, Unit Kutipan, Unit Akaun dan Kewangan dan sebagainya. Setiap unit mempunyai sistem yang telah lama digunakan seperti "*Tinyterm System*", "*Transmode Booking System*", Sistem Maklumat Kastam (SMK) dan sebagainya. Sistem yang terbaru iaitu "*Cargomate System*" telah digunakan tetapi belum menyeluruh.

Setelah tamatnya Latihan Industri, pelajar telah mendapat gambaran yang jelas tentang operasi yang dilakukan oleh KNGL. Ketua setiap unit telah memberikan maklumat mengenai sistem yang digunakan oleh pekerja untuk menjalankan tugas agar lebih teratur. Dalam bab 2 menerangkan tentang pengenalpastian sistem kerja, masalah, punca masalah dan cadangan penyelesaian masalah.

Pelajar telah mendapat sistem kerja yang sedia ada yang merangkumi semua unit yang bermula dari Unit Pemasaran hingga Unit Akaun dan Kewangan. Pelajar juga telah mengenalpasti masalah dan punca masalah di beberapa unit iaitu masalah dalam Sistem Tempahan Kapal bagi Unit Pemasaran, masalah dalam Sistem Dokumentasi (Import) bagi Unit Dokumentasi dan masalah dalam Sistem Kutipan bagi Unit Kutipan. Pelajar telah memberikan cadangan penyelesaian bagi setiap masalah yang dikenalpasti berdasarkan daripada pengalaman dan pemerhatian selama menjalani LI di KNGL.